



## KENYATAAN MEDIA

### PRA-PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN BERBASIKAL DI PUTRAJAYA

---

**KAJANG, 12 DISEMBER 2020** – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan agensi di bawahnya iaitu Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) bersama-sama Perbadanan Putrajaya menganjurkan aktiviti **Pra-Pelancaran Kempen Keselamatan Berbasikal** pada **11 Disember 2020 jam 8.30 malam** di Dataran Putra, Putrajaya yang bertujuan memupuk sikap menunggang basikal dengan selamat dan mematuhi peraturan jalan raya di kalangan pengguna basikal terutamanya di Putrajaya.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Datuk Isham Ishak; Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Pengangkutan, Pn. Normah binti Osman; Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat Kementerian Pengangkutan, En. Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh; Ketua Polis Daerah Putrajaya, ACP Hj Mohd Fadhil; Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain; Timbalan Ketua Pengarah JPJ, En. Zamakhshari bin Hanipah; Pengerusi MIROS, YBhg. Datuk Suret Singh; dan Ketua Pengarah MIROS, Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim.

Antara pengisian yang dilaksanakan semasa pra-pelancaran ini adalah pengedaran risalah dan poster kepada penunggang basikal di beberapa lokasi yang menjadi tumpuan komuniti berbasikal di Putrajaya. Risalah dan poster yang diedarkan adalah mengenai tip menunggang basikal dengan selamat di jalan raya seperti pemakaian yang selamat, tingkah laku yang tidak dibenarkan semasa menunggang basikal dan teknik penggunaan isyarat tangan semasa mengayuh basikal. Kempen keselamatan berbasikal ini akan dilaksanakan dari 11 Disember sehingga 31 Disember 2020.

Maklumat lanjut berkenaan kempen keselamatan berbasikal ini boleh didapati di laman sesawang rasmi MIROS [www.miros.gov.my](http://www.miros.gov.my).

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: [inquiry@miros.gov.my](mailto:inquiry@miros.gov.my)

- TAMAT -